

PENDEKATAN DAKWAH DALAM KEPELBAGAIAN MASYARAKAT

Ahmad Faqih bin Ibrahim

ahmadfaqih@unimel.edu.my

Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka

Nor Rahayu binti Mujahid

Mustafa Kamal bin Amat Misra

Suhaimi Abu Hasan

Article history:

Received : 17 August 2022

Accepted : 20 September 2022

Published : 19 October 2022

Abstrak

Dewasa ini, masyarakat Malaysia khususnya seringkali berhadapan dengan isu-isu sosial yang dianggap bermasalah dan kontroversi berkaitan nilai moral yang berupaya mempengaruhi anggota masyarakat ke arah meninggalkan nilai akhlak dalam kehidupan bermasyarakat. Kajian ini akan membincangkan berkenaan tentang kepelbagaian pendekatan dakwah dalam masyarakat yang pelbagai. Kajian ini dijalankan dengan kaedah kualitatif menggunakan rekabentuk kajian kes iaitu dengan menganalisis kandungan daripada sumber data seperti al-Quran, artikel jurnal, buku serta kertas kerja seminar yang berkaitan. Hasil kajian ini mendapati bahawa pendekatan dakwah yang pelbagai perlu diaplikasikan oleh pendakwah dalam membentuk masyarakat.

Kata kunci: Dakwah, Pendekatan Dakwah

DAKWAH APPROACH IN DIVERSITY SOCIETY

Abstract

Today, Malaysian society in particular is often faced with social issues that are considered problematic and controversial related to moral values that try to influence members of society towards abandoning moral values in social life. This study will discuss about the diversity of da'wah approaches in diverse societies. This study was conducted with a qualitative method using a case study design, which is by analyzing content from data sources such as the Quran, journal articles, books and related seminar papers. The results of this study found that various preaching approaches need to be applied by preachers in shaping society.

Keywords: Da'wah, Da'wah Approach

PENDAHULUAN

Dakwah merupakan suatu usaha atau proses untuk melahirkan kewujudan (agama) dalam realiti kehidupan yang dapat dirasai dan dikesan (Abdullah Muhammad Zin: 1997). Muslih al-Bayumi (1976) pula mendefinisikan dakwah itu sebagai pelaksanaan alim ulama' dan orang-orang yang memahami agama, mengajar orang ramai supaya mereka dapat memahami perkara-perkara agama dan dunia sekadar kemampuan yang ada pada mereka. Dari pengertian di atas dapat dirumuskan bahawa pendakwah merupakan tunjang utama kejayaan dakwah kerana ia adalah salur utama ke arah membumikan ajaran Islam. Bagi merealisasikan matlamat dakwah tersebut pendakwah seharusnya berusaha untuk mengajak orang ramai agar mengikuti dan menghayati ajaran Islam sebagai satu cara hidup. Bahkan, menurut Seri Ramizah Matussin dan Anis Malik Thoha (2021) pendakwah perlu mengambil peranan untuk memberikan penjelasan dan kefahaman menyeluruh mengenai Islam agar dakwah yang dijalankan dapat

menyelesaikan pelbagai masalah sosial di samping menarik kembali mereka yang telah terjerumus untuk kembali ke jalan yang benar dengan pendekatan dakwah yang bersesuaian.

Usaha dakwah ini bukan usaha yang mudah kerana setiap makhluk ciptaan Allah S.W.T mempunyai keunikan tersendiri yang membuatkannya berbeza antara satu dengan yang lain. Penciptaan manusia yang terkandung diversiti samada dari segi luaran mahupun dalaman yang menjadi tanda kebesaran Allah yang Maha Berkuasa lagi Maha Bijaksana. Kepelbagaian dan perbezaan yang wujud turut merangkumi kecenderungan pemikiran, status psikologi, ilmu pengetahuan dan adat kebudayaan ini sebenarnya merupakan satu rahmat buat manusia ke arah mencapai kemaslahatan hidup jika setiap kepelbagaian dan perbezaan dihayati dengan betul. Persoalannya, sebagai seorang Muslim yang membawa imej Islam bagaimana kita hendak menanggapi kepelbagaian dan perbezaan yang berlaku agar penyelesaian tercapai, kesyumulan agama terdukung dan perpaduan terpelihara sekaligus membentuk *ummah* yang dibanggakan oleh Rasulullah SAW.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan kaedah kualitatif menggunakan rekabentuk analisis kandungan. Sumber data dikumpulkan melalui isi kandungan seperti al-Quran, artikel jurnal, buku serta kertas kerja seminar yang berkaitan. Data-data tersebut dianalisis secara tematik berdasarkan kepelbagaian pendekatan dakwah dalam masyarakat yang pelbagai.

Tuntutan Kepada Dakwah Islamiyyah

Istilah dakwah sama ada dilihat dari segi makna konsep ataupun praktikalnya, menjurus kepada keperluan sasarannya atau khalayak iaitu untuk membina masyarakat yang baik sama ada dari segi fizikal, mental dan juga spiritual. Keperluan untuk melihat semula istilah dan kefahaman dakwah dari semua sudut amat perlu sekali dengan tujuan untuk memperoleh hasil yang maksimum daripada matlamat murni konsep dakwah yang diperintahkan oleh Allah dalam kitab suci al-Quran. Namun demikian, penting melihat konsep tuntutan dakwah Islamiah dalam rangka menyeru masyarakat kembali kepada ketaatan terhadap Allah melalui perincian Rasulullah SAW. Hal ini dapat dilihat berdasarkan firman Allah pada ayat ke 31 surah al-Imran.

فُلَّ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَأَتَتْتِعُونِي يُحِبِّكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرَ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

MaksudNya:

Katakanlah: "Jika kamu (benar-benar) mencintai Allah, ikutilah aku, niscaya Allah mengasihi dan mengampuni dosa-dosamu". Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

Selain itu, firman Allah pada ayat ke 80 surah al-Nisa.

مَنْ يُطِعِ الرَّسُولَ فَقَدْ أَطَاعَ اللَّهَ وَمَنْ تَوَلَّ فَمَا أَرْسَلْنَاكَ عَلَيْهِمْ حَفِظًا

MaksudNya:

Barangsiapa yang mentaati Rasul itu, sesungguhnya ia telah mentaati Allah. Dan barangsiapa yang berpaling (dari ketaatan itu), maka Kami tidak mengutusmu untuk menjadi pemelihara bagi mereka.

Firman Allah pada surah al-Ma''idah ayat 92,

وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَاحْدَرُوا فَإِن تَوَلَّتُمْ فَأَعْلَمُوا أَنَّمَا عَلَى رَسُولِنَا
الْبَلْغُ الْمُبِينُ

MaksudNya:

Dan taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasul-(Nya) dan berhati-hatilah. Jika kamu berpaling, maka ketahuilah bahawa sesungguhnya kewajiban Rasul Kami, hanyalah menyampaikan (amanat Allah) dengan terang.

Firman Allah pada surah al-Nur ayat 54.

قُلْ أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ فَإِن تَوَلَّوْا فَإِنَّمَا عَلَيْهِ مَا حُمِّلَ وَعَلَيْكُمْ مَا حُمِّلْتُمْ
وَإِن تُطِيعُوهُ تَهْتَدُوا وَمَا عَلَى الرَّسُولِ إِلَّا الْبَلْغُ الْمُبِينُ

MaksudNya:

Katakanlah: "Taat kepada Allah dan taatlah kepada rasul; dan jika kamu berpaling maka sesungguhnya kewajiban rasul itu adalah apa yang dibebankan kepadanya, dan kewajiban kamu sekalian adalah semata-mata apa yang dibebankan kepadamu. Dan jika kamu taat kepadanya, niscaya kamu mendapat petunjuk. Dan tidak lain kewajiban rasul itu melainkan menyampaikan (amanat Allah) dengan terang".

Berdasarkan firman Allah SWT pada ayat-ayat al-Quran di atas jelas menunjukkan kepentingan menjalankan kegiatan dakwah dalam kerangka menyeru masyarakat dalam mentaati Allah melalui perincian yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah SAW.

Kepelbagaian dan Perbezaan Dalam Masyarakat Berdasarkan al-Quran

Umum mengetahui bahawa kewujudan orang lain sangat mempengaruhi tingkah laku seseorang individu dalam hampir setiap perkara dalam hidupnya, khususnya apabila kita mula berinteraksi dan berfikir tentang manusia di sekeliling. Ini disebabkan oleh kepelbagaian dan perbezaan yang ada pada setiap individu. Menurut Farihah Aqilah Mohd Yaini et.al. (2020) Kepelbagaian masyarakat merujuk kepada kepelbagaian dalam masyarakat yang merangkumi kepelbagaian agama, kaum, budaya, undang-undang, bahasa, sejarah, keupayaan manusia dan sebainya. Namun kepelbagaian manusia ini tidak menghalang mereka bergaul dan tinggal bersama dalam satu negara secara harmoni. Walaupun terdapat banyak sebab dan faktor wujudnya kepelbagaian dan perbezaan, namun pada bahagian ini hanya akan dibincangkan secara ringkas beberapa sebab perbezaan tersebut.

Kepelbagaian Keupayaan Berfikir

Secara umumnya berfikir merupakan satu proses intelektual yang melibatkan proses-proses mental tinggi seperti pemikiran, berbahasa, menyimpan maklumat di dalam ingatan dan menggunakan maklumat yang disimpan bagi bertaakul, membuat pelbagai keputusan atau menyelesaikan masalah. Allah berfirman di dalam al-Quran bagi menjelaskan perbezaan kemampuan dan keupayaan berfikir manusia.

سَيَقُولُ الْسُّفَهَاءُ مِنَ الْنَّاسِ مَا وَلَدُهُمْ عَنْ قَبْلِهِمُ الَّتِي كَانُوا عَلَيْهَا قُلْ يَلَهُ الْمَشْرُقُ وَالْمَغْرِبُ
يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ إِلَى صِرَاطٍ مُّسْتَقِيمٍ

MaksudNya: Orang-orang yang kurang akalnya diantara manusia akan berkata: "Apakah yang memalingkan mereka (umat Islam) dari kiblatnya (Baitul Maqdis) yang dahulu mereka telah berkiblat kepadanya?" Katakanlah: "Kepunyaan Allah-lah timur

dan barat; Dia memberi petunjuk kepada siapa yang dikehendaki-Nya ke jalan yang lurus".

(al-Baqarah, 142)

يُؤْتِي الْحِكْمَةَ مَن يَشَاءُ وَمَن يُؤْتَ الْحِكْمَةَ فَقَدْ أُوتِيَ حَيْرًا كَثِيرًا وَمَا يَدْكُرُ إِلَّا أُولُوا الْأَلْبَابِ

MaksudNya: Allah menganugerahkan al hikmah (kefahaman yang dalam tentang Al Quran dan As Sunnah) kepada siapa yang dikehendaki-Nya. Dan barangsiapa yang dianugerahi hikmah, ia benar-benar telah dianugerahi karunia yang banyak. Dan hanya orang-orang yang berakallah yang dapat mengambil pelajaran (dari firman Allah).

(al-Baqarah, 269)

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ قُرْءَانًا عَرَبِيًّا لِّعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ

MaksudNya: Sesungguhnya Kami menurunkannya berupa Al Quran dengan berbahasa Arab, agar kamu memahaminya.

(Yusuf, 2)

Melalui firman-firman di atas dapat dijelaskan kepelbagaian dan perbezaan keupayaan berfikir manusia yang pastinya memberi impak pada setiap perkara yang akan dihadapi dalam seluruh kehidupannya.

Kepelbagaian Status Kehidupan

Status kehidupan manusia merupakan antara kepelbagaian dan perbezaan yang Allah SWT takdirkan ke atas manusia. Status kehidupan yang dimaksudkan adalah golongan yang kaya dan miskin, berilmu dan jahil, ketua (pentadbir) dan pengikut. Kepelbagaian ini seharusnya menjadikan setiap golongan mampu merasa keadilan dari golongan yang lain.

**وَقَالَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ لَوْلَا يُكَلِّمُنَا اللَّهُ أَوْ تَأْتِينَا إِعْلَمًا كَذَلِكَ قَالَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ مِّنْ قَوْلِهِمْ
تَسْبِهَتْ قُلُوبُهُمْ قَدْ بَيَّنَا أَلْآيَاتٍ لِّفَرْقَمْ يُوَقِّنُونَ**

Maksudnya: Dan orang-orang yang tidak mengetahui berkata: "Mengapa Allah tidak (langsung) berbicara dengan kami atau datang tanda-tanda kekuasaan-Nya kepada kami?" Demikian pula orang-orang yang sebelum mereka telah mengatakan seperti ucapan mereka itu; hati mereka serupa. Sesungguhnya Kami telah menjelaskan tanda-tanda kekuasaan Kami kepada kaum yang yakin.

(al-Baqarah : 118)

Firman Allah pada surah al-Baqarah ayat 267

**يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءامَنُوا أَنْفَقُوا مِنْ طَيْبَتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجَنَا لَكُمْ مِّنَ الْأَرْضِنَ وَلَا تَنْمِمُوا
الْخَيْثَ مِنْهُ تُنْفِقُونَ وَلَسْتُمْ بِّا خَيْثٍ إِلَّا أَنْ تُعْمِضُوا فِيهِ وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ حَمِيدٌ**

MaksudNya: Hai orang-orang yang beriman, nafkahkanlah (di jalan allah) sebagian dari hasil usahamu yang baik-baik dan sebagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu. Dan janganlah kamu memilih yang buruk-buruk lalu kamu menafkahkan daripadanya, padahal kamu sendiri tidak mau mengambilnya melainkan dengan memincingkan mata terhadapnya. Dan ketahuilah, bahwa Allah Maha Kaya lagi Maha Terpuji.

(al-Baqarah : 267)

Kepelbagaian Adat dan Budaya Masyarakat

Adat dan budaya merupakan asas integrasi bangsa, di mana ia merupakan satu elemen yang penting dalam mengasaskan sebuah negara bangsa yang bertamadun. Dalam konteks istilah,

budaya dapat ditafsir sebagai cara hidup dan warisan tradisi sesebuah masyarakat yang telah menjadi norma dalam kehidupan sehari-hari. Budaya juga merangkumi pelbagai aspek dalam kehidupan, seperti adat, moral, nilai-nilai murni, kesenian dan juga tingkah laku yang dipelajari dan diterapi daripada kelompok masyarakat.

Secara asasnya dengan kewujudan banyak bangsa akan melahirkan pelbagai perbezaan adat dan budaya di antara satu bangsa dengan bangsa yang lain. Firman Allah pada surah al-Hujurat ayat ke 13

يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُم مِّنْ ذَكَرٍ وَأُنثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَنْفُقُكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَيْرٌ

Maksudnya: Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia diantara kamu disisi Allah ialah orang yang paling takwa diantara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal.

Ayat tersebut menjelaskan bahawa perbezaan bangsa bukanlah menjadi penyebab pertelingkahan tetapi sebagai medium untuk saling mengenali dan memahami.

Kepelbagaiannya Metodologi Dalam Dakwah

Allah SWT telah menjelaskan beberapa konsep atau kaedah dakwah yang jika diikuti dengan sempurna pasti akan menjadi asas kejayaan dalam pencapaian dakwah di antara kaedah tersebut. Ini kerana metodologi dakwah bertujuan untuk mencapai matlamat menyeru dan mengajak manusia kepada agama tauhid. Allah berfirman pada surah al-Nahl ayat 125 untuk menjelaskan tentang metodologi yang perlu dipraktikkan oleh setiap pendakwah.

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجُدِلُّهُم بِإِلَيْتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهَتَّدِينَ

Maksudnya:

Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu (wahai Rasulullah) dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk.

Berdasarkan ayat tersebut, dapat difahami bahawa asas metodologi dakwah tertumpu kepada tiga item iaitu al-dakwah bi al-hikmah, al-mauizah al-hasannah dan al-mujādalah bi allatī hiya ahsan.

Metodologi al-Hikmah

Perkataan hikmah disebutkan dalam al-Quran dengan pelbagai pengertian. Menurut al-Fairuz Abady berkata “hikmah berasal daripada sisi Allah sedangkan pengetahuan terhadap sesuatu dan pengadaannya secara sempurna berasal daripada diri manusia, termasuk pengetahuan tentang pelbagai makhluk dan pengamalan kebaikan”. Sehingga dapat disimpulkan bahawa hikmah adalah meletakkan sesuatu pada tempatnya (Zikmal Fuad : 2014). Apabila pengertian ini juga dijadikan definisi utama hikmah dalam medium dakwah, maka kita perlu beralih dari pengertian ini dan meletakkannya pada medan khusus, sehingga boleh menjelaskan maksud dan tujuan al-hikmah dalam medan dakwah kerana dakwah kepada Allah tidak mungkin tunduk kepada aturan-aturan konvensional yang selalu berubah. Maka dengan itu tidak mudah

untuk kita meletakkan batasan-batasan khusus yang boleh dijadikan landasan para pendakwah. Sebab hal ini boleh bertentangan dengan pengertian hikmah yang mengharuskan mereka untuk menyesuaikan apa yang sudah digariskan serta sikap tertentu akhirnya mereka mencari-cari sesuatu agar dapat menerangi jalan yang bakal ditempuh.

Perkataan hikmah dalam al-Quran dapat dibezakan menurut enam sisi iaitu Surah Ali 'Imran: 48. Shad: 20, al-Baqarah: 251, 206, Maryam: 12, al-Nisa: 54, al-An'am: 89, al-Nahl: 125, Luqman: 12. Penafsiran al-Hikmah dalam al-Quran dapat dibahagi kepada empat bahagian iaitu pengajaran (surah al-Baqarah: 231), pemahaman dan ilu (Maryam: 12), Nubuwwah (al-Nisa: 54, Shad: 20), al-Quran (al-nahl: 125, al-Baqarah: 269). (Zikmal Fuad, 2014: 542). Dakwah dengan hikmah merupakan dakwah yang dilakukan dengan memahami secara mendalam segala persoalan yang berhubungan dengan proses dakwah yang meliputi persoalan sasaran dakwah, tindakan-tindakan yang dilakukan masyarakat yang menjadi sasaran dakwah. Situasi, tempat dan waktu di mana dakwah akan dilaksanakan dan sebagainya (Abd Rasyid Shaleh 1997: 73). Sebagaimana A. Mukti Ali mendefinisikan dakwah dengan hikmah itu sebagai "kesanggupan pendakwah untuk menyebarkan ajaran Islam dengan berkorban waktu dan tempat demi masyarakat yang dihadapinya" (Mukti Ali. 1971).

Munzier Suparta dan Harjani Hefhi 2003:10 mendefinisikan perkataan al-Hikmah sebagai al-Adi (keadilan), al-Haq (kebenaran) al-Hilm (ketabahan), al-ilm (pengetahuan), terakhir an-Nubuwwah (kenabian). Di samping itu, al-Hikmah bermaksud sebagai penempatan sesuatu pada tempatnya. al-Hikmah juga ialah pengetahuan yang dikembangkan dengan tepat sehingga menjadi sempurna. Menurut pendapat ini, al-Hikmah dimanifestasikan dalam empat aspek iaitu kecekapan mengurus, kecermatan, kejernihan fikiran dan ketajaman fikiran (Nor Amin Sayani et.al ; 2012)

Jelas difahami bahawa berhikmah dalam berdakwah dengan menyeru masyarakat agar mentaati Allah berpandukan perincian Rasulullah bukan bererti dengan cara lemah lembut, tegang dan mengalah. Kerana kalau dimaksudkan seperti ini lafadz hikmah tersebut bererti kepada makna hina, remeh, dan lemah. Hikmah boleh menjadi kelembutan ketika perlu lembut, boleh menjadi tegas ketika perlu bertegas. Tapi bila bersikap lembut ketika perlu menggunakan ketegasan bukanlah gambaran hikmah, jelas merupakan kelemahan atau sama juga jika sebaliknya menggunakan hikmah berupa kekerasan ketika perlu berlembut, ianya merupakan kesalahan.

Metodologi Mauizah Hasanah

Mauizah al-hasanah adalah pengajaran dan nasihat berdasarkan kepada apa yang terkandung dalam al-Quran dan aspek perkhabaran yang menggembirakan dan ancaman yang menakutkan kemudian disertai dengan kesabaran dan keikhlasan dalam nasihat yang diberikan. Menurut Abdul Majid Omar; 2007 Perkataan mauizah al-hasanah membawa maksud jalan untuk menyampaikan dakwah dan usul berdakwah bertujuan untuk mendekati bukan menjauhkan, memudahkan bukan menyusahkan, mengasihi dan bukan menakutkan. Munzier Suparta dan Harjani Hefni (2003) dan Mustafa Kamal et.al (2020) menjelaskan jenis-jenis dakwah mauizah al-hasanah kepada nasihat, tabsyir wa tandzir, wasiat dan kisah.

Tansih atau Nasihat

Muhammad Abu Fath Al-Bayanun 2008:9 berkata dalam berdakwah mengajak manusia kepada akidah yang benar dan milarang mereka mengikuti akidah yang rosak, seorang pendakwah sebaiknya lebih banyak menggunakan pendekatan memberi nasihat yang baik daripada berbantah, pendekatan menyanyangi dan berbelas kasih daripada mengingkari dan mencela serta memilih pendekatan yang disukai dan ucapan-ucapan yang beradab.

Tabsyir Wa Tandzir

Tabsyir dalam istilah dakwah adalah penyampaian dakwah yang berisi khabar yang mengembirakan bagi mereka yang mentauhidkan Allah. Terminologi tabsyir dalam konteks dakwah adalah informasi, berita yang baik dan indah sehingga boleh membuat orang gembira untuk menguatkan keimanan sekaligus sebagai sebuah harapan dan menjadi motivasi dalam beribadah serta beramal soleh.

Manakala tandzir menurut istilah dakwah adalah penyampaian dakwah di mana kandungannya mengenai peringatan terhadap manusia tentang adanya kehidupan akhirat. Selain itu, tandzir adalah ungkapan yang berunsur peringatan kepada orang yang tidak beriman khususnya kepada sasaran dakwah agar tidak terjerumus pada perbuatan dosa.

Tabligh

Tabligh adalah kata terbitan masdar daripada perkataan ballagha, yuballighu, balligh, tablīgh yang bermaksud menyampaikan. Dalam konteks dakwah, tabligh bermaksud menyampaikan ajaran Islam kepada manusia agar diimani dan difahami untuk dijadikan pedoman hidup. Namun secara pendefinisiannya, tablīgh turut difahami sebagai i'lām seperti menurut Ibrahim Imam (1985: 14) dan Abdul Latif Hamzah (1997: 105). Daripada pendefinisan kedua tokoh tersebut, boleh dirumuskan bahawa I'lām didefinisikan sebagai pendefinisanpendefinisan berikut: 1. Menyampaikan maklumat yang benar (diiringi dengan pengetahuan ilmiah, fakta) kepada madcu bagi membantu pembentukan pemikiran dan pandangan yang sahih dalam menghadapi kepelbagaian pemikiran. 2. Menyampaikan pengetahuan tentang dasar-dasar akidah dan tauhid, akidah dalam ubudiyah serta akhlak dalam politik, kemasyarakatan dan ekonomi dengan tujuan ianya dijadikan dasar pegangan dalam hidup. 3. Suatu konsep ilmu yang membahas tentang cara penyampaian ajaran Islam dengan diiringi kepelbagaiannya metode Ilmiah tanpa mengabaikan metode pengistinbatan hukum, Iqtibas atau Istiqra' (penelitian dan eksperimen). Justeru, tabligh adalah suatu kegiatan dakwah yang dilakukan oleh seorang da'i (pendakwah) yang kini lebih dikenal dengan sebagai proses komunikasi yang melibatkan kepelbagaiannya metode.

Ta'lim

Konsep ta'lim adalah suatu bentuk pendidikan dan pengajaran yang dilakukan mengajar berdasarkan penyelidikan dan pengalaman. Ini kerana ia merupakan metode yang dilihat paling ampuh untuk melahirkan kesedaran asas tentang hakikat kewujudannya sebagai makhluk Allah dan kemudiannya mampu memahami akidah dan syari'ah sebagai jalan kehidupannya (Abdul Latif, 1997: 107). Bahkan, konsep ini turut lebih awal ditemui dalam al-Qur'an dengan jumlah yang banyak dan umumnya ia boleh dikatakan termasuk dalam konsep pendidikan. Dengan perkataan asalnya 'allama, yuallimu, ta'lim. Contoh ini boleh dilihat seperti pada ayat 151 surah al-Baqarah, ayat 48 surah Ali Imran, ayat 113 surah al-Nisa dan ayat satu hingga empat surah al-Rahman. Allah berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 151-152 yang bermaksud: Sebagaimana (kami telah menyempurnakan nikmat Kami kepadamu) Kami telah mengutus kepadamu Rasul di antara kamu yang membacakan ayat-ayat Kami kepada kamu dan mensucikan kamu dan mengajarkan kepadamu al-kitab dan al-Hikmah, serta mengajarkan kepada kamu apa yang belum kamu ketahui. Oleh kerana itu, ingatlah kamu kepada-Ku niscaya aku ingat (pula) kepadamu, dan bersyukurlah kepada-Ku, dan janganlah kamu mengingkari (nikmat)-Ku. Daripada mafhum ayat di atas, dapat difahami terdapat metode pendidikan dan pengajaran dalam al-Qur'an dengan tujuan asasnya untuk mendidik manusia kepada kesedaran kepada konsep tauhid. Bahkan kesedaran tersebut perlu melewati juga penyelidikan dengan melalui tadabbur dan tafakkur (Abd al-Latif; 1997).

Tazkir dan Tanbih

Tazkir dan tanbih boleh dimaksudkan sebagai peringatan. Namun, dalam konteks dakwah, ia membawa pengertian dan makna yang berbeza. Namun ia masih di dalam konsep dan konteks yang sama iaitu memberi nasihat, memberitahu, membangkitkan dan memberi perhatian kepada kewaspadaan (Abd al-Latif, 1997 :74). Perkataan tazkir yang dimaksudkan sebagai peringatan dilihat diungkapkan dalam al-Qur'an sebanyak sembilan kali iaitu pada ayat 3 surat Thaha, ayat 73 al-Waqi'ah, ayat 12 dan 48 surah al-Haqqah, ayat 19 surah al-Muzammil, ayat 29 surah al-Muddathir serta ayat 11 surah 'Abasa. Begitu juga dengan firman Allah pada ayat 2-3 surah Taha yang bermaksud: Kami tidak menurunkan al-Quran ini kepadamu agar kamu menjadi susah, tetapi sebagai peringatan bagi orang yang takut (kepada Allah). Namun, metode tanbih pula tidak ditampilkan secara khusus dalam al-Qur'an. Pun begitu, pengkaji ilmu dakwah seperti Ahmad Warson (438) menggabungkan dengan terma tazkirah untuk memperkuat dan mempertegas makna tazkirah. Menurut Ahmad Warson, tazkirah dan tanbih merupakan perkataan yang mempunyai makna yang hampir sama (mutaradif) yang masing-masing bermaksud peringatan dan penyedaran. Pengkaji berpendapat, setakat perbahasan sub tema ini, boleh difahami bahawa tazkirah dan tanbih merupakan proses yang berentetan daripada proses tarbiyah dan ta'lim. Bermula dengan metode tabligh, mad'u dibekalkan dengan pengetahuan berkenaan kepentingan maudu' dakwah. Proses tersebut disusuli dengan ta'lim yang berperanan untuk membimbing mad'u sehingga mampu menghayati dan mengamalkan maudu' dakwah tersebut. Proses seterusnya pula adalah tazkir dan tanbih yang berperanan sebagai usaha memperingat di samping menyedarkan mad'u agar sentiasa komited dalam mengamalkan maudu' dakwah tersebut. Pelaksanaan proses ketiga ini (memperingat dan menyedar mad'u) memerlukan da'i melaksanakan metode targhib dan tarhib yang masih tercakup dalam klasifikasi metode mau'izah al-hasanah. Al-targhib bermaksud anjuran atau dorongan yang bersifat motivasi untuk segera melakukan amalan baik manakala al-tarhib pula bermaksud ancaman, peringatan atau larangan daripada melakukan amalan buruk. Untuk mengaplikasikan metode ini, ia dilakukan dengan secara berkesinambungan atau tikrar (pengulangan) yang boleh dilihat pada beberapa ayat dalam surah-surah al-Qur'an seperti ayat 20 surah Ali Imran, ayat 92 dan ayat 99 surah al-Maidah, ayat 40 surah al-Ra'd,

Taujih wa al-Irsyad

Menurut Nazirman dalam Metode Mau'izah al-Hasanah, perkataan rasyada dijumpai pada 19 kali dalam al-Qur'an dengan kata terbitan yang pelbagai. Perkataan tersebut difahami membawa maksud bimbingan dan kaunseling. Terma tersebut seperti yang didefinisikan oleh Thohari Musnamar dalam Kamaruddin (2008: 73) bermaksud proses bantuan terhadap individu agar mampu hidup selaras dengan ketentuan Allah sehingga dapat mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat. Manakala kaunseling pula dimaksudkan sebagai proses bantuan terhadap individu supaya dapat mengembalikan kesedaran dirinya kepada kedudukannya sebagai makhluk Allah.

Uswah wa Tadbiq

Uswah bermaksud keteladan. Umumnya ia dirujuk kepada ketauladan Nabi SAW yang dijadikan role model dalam segenap aspek kehidupan. Dalam konteks hari ini, dia dilihat perlu berusaha dan menjadi ikutan (idol) yang baik kepada mad'u unya. Walaupun sukar, namun ia mampu membantu melancarkan proses penyebaran dakwah. Tadbiq pula didefinisikan sebagai usaha menerapkan dan seterusnya mampu mengamalkan nilai-nilai yang telah diteladani (uswah) tersebut. Penerapannya diperlakukan dalam pelbagai bentuk kegiatan seperti pembinaan kumpulan dan penyusunan program pengajian rutin, memandu gaya fikir Jemaah supaya komited dengan kebenaran. Proses ini dilangsungkan dengan pemahaman budaya ilmu pengetahuan berkenaan pengajian Islam secara professional.

Ibrah atau Ibarah

Ibarah atau perumpamaan bermaksud mengambil pelajaran daripada contoh yang telah dikisahkan oleh Allah dalam al-Qur'an. Ia juga merupakan strategi pelaksanaan daripada metode-metode dalam maw'izah al-hasanah. Dengan memahami contoh atau mengambil pengajaran dari sebuah kejadian yang pernah berlaku, proses dakwah menjadi semakin mudah.

Wasiat

Wasiat adalah perkataan yang padat dengan makna. Ini kerana wasiat adalah salah satu teknik untuk mencapai tujuan dakwah. Apabila dikaitkan dengan kebenaran, wasiat adalah profil paling cemerlang untuk tegak menjaga kebenaran dan kebaikan. Apabila dikaitkan dengan kesabaran, wasiat mampu mengerakkan potensi umat untuk semakin kuat dan tabah dalam kebenaran. Apabila dikatakan dengan kasih sayang wasiat adalah usaha untuk menyebarkan perasaan kasih sayang dan saling mencintai sesama. Maka intipati wasiat dalam dakwah adalah Ucapan seseorang da'i berupa pesan penting dalam upaya mengarahkan (taujid) mad'u tentang sesuatu yang memberi kebaikan dan persoalan-persoalan yang disampaikan dalam wasiat juga berkaitan dengan sesuatu yang belum dan akan terjadi.

Metodologi Mujadalah al-Husna

Mujadalah adalah penyampaian mesej dakwah secara berbahas dan berbincang. Perbahasan dan perbincangan ini difokuskan kepada kumpulan yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang masih kuat berpegang dengan amalan yang menyalahi tuntutan Islam. Kaedah ini dilakukan dengan cara berhujah dan mengemukakan pandangan yang jelas berasaskan matlamat. Berdasarkan firman Allah, mujadalah boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu mujadalah terpuji dan mujadalah tercela. Firman Allah pada surah al-nahl ayat 125.

○ أَذْغِ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَأَمْوَاعَهُ أَلْحَسَنُ وَجْلَهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

MaksudNya: Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Rasulullah) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engku serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.

Firman Allah pada surah al-Hajj ayat 3.

وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يُجْدِلُ فِي اللَّهِ بِغَيْرِ عِلْمٍ وَيَتَبَعُ كُلَّ شَيْطَنٍ مَرِيدٍ

MaksudNya: Dan ada di antara manusia yang membantah perkara-perkara yang berhubung dengan Allah dengan tidak berdasarkan sebarang pengetahuan, dan ia menurut tiap-tiap syaitan yang telah sebat dengan kejahanan.

Berdasarkan ayat-ayat di atas jelas terdapat perbezaan di dalam al-Quran tentang mujadalah yang terpuji dan mujadalah yang tercela.

KESIMPULAN

Kepelbagai pendekatan dalam dakwah sebenarnya membawa rahmat khususnya kepada umat Islam. Maslahah dakwah menuntut kepelbagai cara, wadah dan pendekatan demi

memberikan pilihan yang saksama kepada seluruh umat Islam membuat pilihan yang sesuai dengan mereka dalam rangka mengabdikan diri kepada Allah SWT secara mutlak melalui perincian Rasulullah SAW. Melalui kepelbagaian ini, terkilaunya mutiara kata Mustafa Masyhur “*Penyatuan dalam perbezaan*”. Umat Islam tetap bersatu dan tetap menjadi “*Ahl Rahmah*” kerana mereka dilingkungi oleh perbezaan dalam pendekatan mencapai sesuatu yang diperintahkan oleh Allah. Para pendakwah pastinya mempunyai ciri-ciri pendakwah yang baik bagi memperkuatkan perjalanan dakwah dengan pelbagai cara dan kaedah. Kaedah berdakwah berdasarkan al-Quran dan Sunnah Rasulullah jelas menepati kepelbagaian dan perbezaan fitrah manusiawi dan dianggap sebagai metodologi semulajadi dalam pendekatan sederhana dan penyampaian yang mudah. Pusat sasaran kepelbagaian metotodologi-metodoogi tersebut ditujukan kepada kepada tiga titik kawalan yang menentukan perubahan sikap yang lebih baik dan tindak balas masyarakat yang menerima dakwah iaitu hati, akal dan deria sekaligus menjadikan tujuan seruan dakwah itu tercapai.

RUJUKAN

- Al-Quran
- Ab. Aziz Mohd. Zain. 2001. Metodologi Dakwah. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdullah Muhammad Zin, Che Yusuf Mamat. 1997. Prinsip dan Kaedah Dakwah Dalam Arus Pembangunan Malaysia. Bangi. UKM
- Abdul Majid Omar. 2007. Pengenalan Dakwah. Makalah Kursus Pendekatan Dakwah Kontemporari. Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP. Bangi.
- Abdul Rasyid Shaleh, 1997. Manajemen Dakwah Islam. Bulan Bintang, Jakarta.
- Farihah Aqilah Mohd Yaini, Abdul Qahhar Ibrahim dan Noorsafuan Che Noh. 2020. Pendekatan Dakwah Terhadap Masyarakat Majmuk Berdasarkan Kitab Fiqh Dawlah Karya Yusuf Qaradawi. Asian Journal of Civilizational Studies.
- Mukti Ali. 1971. Faktor-faktor Penyiaran Islam. Jakarta. YPTDI.
- Munzier Suparta dan Harjani Hefni. 2003. Metode Dakwah. Jakarta. Perdana Media.
- Muhammad Abu Fath Al-Bayanun. 2008. Fiqih Dakwah. Panduan Sukses Dan Nasihat Para Dai. Surakarta. Indiva Pustaka.
- Mustafa Kamal Amat Misra, Mohd Hakim Arshad, Nurhanisah Senin, Ahmad Fauzi Mohd Shahar dan Ahmad Faqih Ibrahim. 2019. Analisis Cabaran Aplikasi Metodologi Mau’izah al-Hasanah Dalam Dakwah. Jurnal ‘Ulwan.
- Hj. Abdul Majid bin Omar. 2007. Pengenalan Dakwah. Selangor. Jabatan Mufti Negeri Selangor.
- Seri Ramizah Matussin dan Anis Malik Thoha. 2021. Pendekatan Dakwah Dalam Surah an-Nahl Ke Atas Remaja Bermasalah Sosial di Kompleks Rumah Kebajikan (KRK) Kampung Belimbang Subok, Negara Brunei Darussalam. Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED).
- Zainal, N. A. S. & Mustari, M. I. 2012. Penerapan Metode Dakwah Di Dalam Melaksanakan Proses Pengajaran Dan Pembelajaran (P&P) Di Dalam Dan Luar Bilik Darjah in Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012] (International Seminar on Teacher and Islamic Education [SEAPPI2012])
- Zikmal Fuad. 2014. Metode Dakwah bi al-Hikmah: Bila harus Berkata Bila Harus Diam. Prosiding Seminar 1 st International Research Management & Innovation Conference (IRMIC 2014).